

KAJIAN KEMUNGKINAN MENUBUHKAN
SYARIKAT KEWANGAN BERCORAK ISLAM
DI WILAYAH PERSEKUTUAN

DISEDIAKAN OLEH

NORLIDA BT RAMLI

ROSMA BT TAZILAH

ROKIAH BT SAAD


SAMSIYAH BT RAZALI

ZURAIDAH BT HUSIN @MOHD HUSSIN


DIAJUKAN

SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT
KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN, BAGI KURSUS
DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM

1HB MEI 1984



ITM
SHAH ALAM



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Maha Pengasih Maha Penyayang

قالوا سبحانك لا علم لنا الا ما
علمتنا انك انت الظيم الحكيم

"Maha suci Engkau, tiada ilmu
bagiku, melainkan apa yang
Engkau ajarkan kepadaku,
sesungguhnya Engkau Maha
Mengetahui Maha Bijaksana."

Al-Baqarah : 32

Alhamdulillah, pertama-tamanya kami panjatkan kesyukuran ke
hadrat Allah S.W.T. kerana telah memberikan kami kesabaran dan
kekuatan bagi menyiapkan kajian ini. Dan sesungguhnya tiada
akan berjaya kajian ini tanpa pertolongan, taufiq dan hidayah
serta nikmat yang telah diberikanNya.

Kami juga mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan kepada
penasihat kami, Drs Hamat Ghazali, Koordinator Latihan Pusat
Pembangunan Usahawan Malaysia, ITM yang telah bersusah-payah
dalam kesibukannya, memberikan kami bimbingan, galakan, nasihat
serta kritik-kritik yang membina bagi menjayakan kajian ini.

RANGKA KERTAS KERJA BUSINESS RESEARCH

	Muka Surat
SEKAPUR SIREH	i
PENGHARGAAN	v
MUQADDIMAH	x
DAFTAR JADUAL DAN GAMBARAJAH	xxvi
JADUAL LAMPIRAN	xxxii
SINOPSIS	xxxiii

BAB 1 : KAEDAH PENYELIDIKAN

1.1	Tujuan Penyelidikan	1
1.2	Objektif	1
1.3	Peringkat Kajian	2
1.4	Methodologi	3
1.4.1	Datas Asas	3
1.4.2	Data Sumber Kedua	4
1.5	Pengendalian Penyelidikan	6
1.5.1	Wawancara	6
1.5.2	Soal-selidik	6
1.5.2.1	Sebaran "Pilot Test"	7
1.5.2.2	Sebaran Soal-selidik sebenar	10
1.5.2.3	Tabulasi	11
1.5.2.4	Corak Soal-selidik	12
1.6	Skop dan Halangan	17
1.6.1	Skop Kajian	17
1.6.2	Halangan Kajian	18

SINOPSIS

Laporan Kajian Kemungkinan Menubuhkan Syarikat Kewangan Islam ini adalah merangkumi fakta-fakta penting yang menjelaskan sistem kewangan menyentuh syarikat kewangan yang berdasarkan Syariat Islam.

Di dalam Bab Pertama, dikemukakan tujuan mengapa dan matlamat kajian ini dijalankan. Ia juga menyentuh aspek-aspek bagaimana kajian ini dijalankan, cara-cara pengumpulan data, skop dan masalah yang dihadapi ketika kajian ini dilaksanakan.

Bab Kedua pula memaparkan tentang syarikat kewangan yang wujud pada hari ini. Di sini dijelaskan bagaimana struktur organisasi, sistem pentadbiran dan pertumbuhan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Dari sini dapat memberi gambaran mengapa sebuah syarikat kewangan Islam perlu diwujudkan tanpa sebarang penindasan serta bersikap adil.

Bab Ketiga mencakupi perkara-perkara peraturan dan undang-undang yang bersangkutan dengan syarikat kewangan. Penerangan secara ringkas tentang akta dan penyelewengan yang berlaku dewasa ini.

Bab Empat menyentuh penerimaan masyarakat terhadap kajian ini, sejauhmana masyarakat menyedari mereka tertindas dan kefahaman terhadap sistem syarikat Kewangan Islam. Ia juga menyelami sejauhmana sokongan masyarakat terhadap kajian ini.

Bab Lima dimuatkan unsur-unsur yang ditegah oleh Islam dalam menjalankan perniagaan. Islam melarang segala bentuk penindasan, riba, penipuan namun demikian dengan meninggalkan perkara-perkara ini tidak akan mendatangkan kerugian kepada mana-mana pihak. Ganjarannya akan dinikmati di akhirat nanti.

Manakala Bab Enam pula dikemukakan konsep-konsep urusan niaga dan juga menjelaskan takrif hutang yang seringkali mendatangkan kekeliruan di kalangan masyarakat. Apakah itu sistem Qardhul Hassan, sewa-beli dalam Islam dan pandangan Islam terhadap service Charge.

Bab Tujuh dimuatkan cadangan operasi sebuah syarikat kewangan yang berlandaskan sistem Islam dan akta syarikat yang bersesuaian dengan syarikat kewangan tersebut.

Sebagai penutup kajian ini, dikemukakan kesimpulan dan pandangan tentang masalah yang telah dibincangkan.

-oo0oo-